

29 OCT 2001

Syed Hamid-Laos

LAOS MINTA BANTUAN MALAYSIA BANGUNKAN SUMBER MANUSIA

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Laos hari ini meminta Malaysia membantunya daripada segi pembangunan sumber manusia negara Indochina itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata ini kerana Laos menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang telah berjaya membangunkan sumber manusia.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat delegasi sempena lawatan Perdana Menteri Laos Bounnhang Vorachith di Jabatan Perdana Menteri di sini, beliau berkata Laos juga meminta pelabur Malaysia menambah pelaburan di negara itu.

Malaysia kini merupakan pelabur asing keempat terbesar di Laos dengan jumlah pelaburan melebihi RM1 bilion.

Syed Hamid berkata Malaysia juga bersetuju dengan permintaan Laos agar mesyuarat jawatankuasa bersama kedua-dua negara diadakan semula pada tahun depan.

Kali terakhir mesyuarat itu diadakan ialah di Vientiane pada tahun 1996.

Mengenai pertemuan Bounnhang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata kedua-dua pemimpin telah membincangkan pelbagai perkara bagi meningkatkan hubungan dua hala.

Beliau berkata Dr Mahathir juga telah memberi penjelasan kepada rakan sejawatannya itu tentang mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang dihadapinya di Shanghai pada 16-23 Okt lepas.

Laos bukan merupakan anggota APEC.

Syed Hamid berkata, Bounnhang mempelawa Dr Mahathir melawat Laos.

Kali terakhir perdana menteri melawat Laos ialah pada 1994.

-- BERNAMA

AKT ZS MAI